

## Kerajaan tekad bebaskan negara daripada rasuah dan salah guna kuasa

**KUALA LUMPUR** - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan komited untuk memulihkan negara agar bebas daripada rasuah dan salah guna kuasa.

Ia akan dilaksanakan dengan mengukuhkan pentadbiran negara berdasarkan kepada prinsip *rule of law* dan pemisahan kuasa seperti mana yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Patik berharap negara akan terus bebas daripada pelbagai bentuk penyelewengan untuk membolehkan Malaysia Baharu dapat dibangun dan dimajukan dengan lebih baik berbanding sebelum ini,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mempersembahkan ucapan tahniah bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia pada Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara semalam.

Beliau berkata, kerajaan akan sentiasa menghormati dan terus mempertahankan kedaulatan Institusi Raja Berperlemba-



**Dr Mahathir memberi ucapan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara semalam.**

gaan, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, serta keistimewaan orang Melayu dan anak Negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain seperti yang terkandung dalam Per-

lembagaan Persekutuan.

Dr Mahathir dalam ucapannya berkata, kerajaan menyedari ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia yang semakin mencabar termasuk dalam bentuk halangan-halangan kepada perdagangan bebas serta ketidakstabilan dalam mata wang global boleh memberi kesan kepada negara.

Untuk mengatasi keadaan itu, kerajaan akan sentiasa melakukan pelbagai strategi di peringkat domestik dan antarabangsa untuk menghadapi cabaran-cabaran itu.

Menyentuh tentang agenda pembangunan negara pula, Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus melibatkan golongan anak muda dan menerapkan mereka dengan semangat kesukarelawan serta keusahawanan selain nilai murni supaya menjadi lebih produktif dan berdaya saing untuk menghadapi perkembangan Revolusi Industri 4.0.

Dalam mengejar arus pemodenan itu, katanya, kerajaan akan terus memastikan alam sekitar sentiasa terpelihara.

“Pihak yang tidak bertanggungjawab terhadap pencemaran alam sekitar akan

diambil tindakan tegas yang sewajarnya dan untuk mengelak perkara ini terus berlaku, semua pihak diseru memainkan peranan penting untuk melindungi alam sekitar,” katanya. - *Bernama*

